Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sistem kewangan Malaysia menghadapi cabaran persekitaran luaran yang luar biasa pada tahun 2008. Keadaan dalam sistem kewangan global merosot dengan mendadak pada separuh tahun kedua apabila kekangan dana dan mudah tunai aset yang belum pernah berlaku dan kerugian nilai yang lebih besar daripada jangkaan portfolio berkaitan subprima telah melemahkan lembaran imbangan banyak institusi kewangan global. Tahap kerugian yang besar ini telah menyebabkan pihak berkuasa dari beberapa ekonomi negara maju mengambil langkah intervensi yang lebih giat dalam usaha mengembalikan kestabilan sistem kewangan. Penularan meluas kesan krisis ini menggerakkan tindak balas dasar secara lebih komprehensif untuk mengelakkan implikasi sistemiknya kepada sistem kewangan di rantau lain di dunia. Sama pentingnya ialah usaha untuk mengembalikan fungsi pengantaraan dan sekali gus memudahkan aliran kredit untuk menyokong pemulihan ekonomi.

Walaupun keadaan mudah tunai global yang ketat terus berlarutan dan pasaran kredit global terus lemah, keyakinan terhadap sektor kewangan Malaysia terus utuh. Malaysia telah menerima manfaat daripada reformasi kewangan dan pembinaan keupayaan sejak beberapa tahun lalu yang telah memperkukuh tahap daya tahannya. Tambahan pula, dedahan yang kecil kepada risiko berkaitan subprima yang disokong oleh keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, telah berjaya menyekat penularan risiko sistemik, sekali gus membolehkan pasaran kewangan, sistem pembayaran dan seluruh sistem pengantaraan kewangan negara berfungsi dengan lancar.

Daya tahan keinstitusian juga telah disokong oleh peningkatan berterusan dalam kualiti aset dan amalan peruntukan yang mantap oleh institusi perbankan. Ini telah mengekalkan paras jumlah peruntukan kerugian pinjaman (loan loss provision) dalam sistem perbankan pada tahap paling tinggi sejak krisis kewangan Asia. Keuntungan menggalakkan yang dicatat sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga membolehkan pengumpulan penampan modal oleh institusi perbankan dan syarikat insurans. Infrastruktur pengurusan risiko juga terus ditambah baik lantas menyumbang kepada pengurangan kegiatan penghindaran risiko oleh institusi perbankan. Pelaksanaan pembayaran premium berdasarkan perbezaan risiko oleh Perbadanan Deposit Insurans Malaysia (PIDM) pada tahun 2008 terus memperkukuh insentif untuk pengurusan risiko yang lebih mantap oleh institusi perbankan. Penubuhan PIDM telah memperkukuh rangka kerja yang sedia ada supaya tindakan pencegahan lebih awal dan penyelesaian yang lebih berkesan boleh diambil atas institusi perbankan yang bermasalah.

Impak kemerosotan ekonomi global semasa terhadap ekonomi Malaysia dijangka memberikan sedikit tekanan terhadap kualiti aset institusi perbankan. Namun, institusi perbankan telah mengambil inisiatif untuk bertindak lebih awal bagi menangani risiko-risiko yang akan muncul. Beberapa buah institusi perbankan telah memulakan langkah menambah baik modal melalui terbitan hak dan instrumen modal hibrid Kumpulan-1 pada tahun 2008 kerana menjangka berlakunya kemerosotan yang berterusan dalam pasaran kredit global dan kesan susulan yang lebih buruk terhadap ekonomi Malaysia. Kedudukan modal yang lebih kukuh ini meletakkan institusi perbankan atas landasan yang lebih teguh untuk menangani impak kelembapan ekonomi dengan lebih baik dan lebih berkeupayaan untuk merebut peluang yang wujud apabila keadaan ekonomi kembali pulih.

Dalam tempoh ketidaktentuan yang ketara ini, pengawasan yang rapi adalah amat penting. Oleh itu, Bank telah melaksanakan pengawasan yang lebih teliti dan lebih berwaspada terhadap sebarang kemungkinan timbulnya punca risiko yang baharu. Lantaran itu, pemantauan terhadap semua aspek sektor kewangan yang mempunyai dedahan yang besar kepada risiko dilaksanakan dengan lebih teliti. Ujian ketahanan berdasarkan pelbagai senario dijalankan dengan lebih kerap bukan sahaja di peringkat mikro malah di peringkat makro. Hasil ujian menunjukkan bahawa sistem kewangan Malaysia berada pada kedudukan yang cukup baik untuk menyerap sebarang kejutan. Ini dibuktikan oleh nisbah modal wajaran risiko yang jauh melebihi paras minimum pengawalseliaan yang ditetapkan walaupun beroperasi dalam persekitaran yang serba mencabar. Hubungan komunikasi yang rapat antara pihak Bank dan pihak pengurusan kanan serta lembaga pengarah institusi kewangan memastikan penilaian risiko adalah teguh dan berpandangan jauh memandangkan tahap ketidaktentuan yang masih lagi tinggi. Proses ini disokong oleh sistem maklumat dan pengawasan yang teguh meliputi semua segmen pasaran kewangan bagi memudahkan pengesanan awal risiko-risiko yang sedang muncul dalam sistem kewangan.

Malaysia turut membangunkan infrastruktur keinstitusian yang efektif sejak sedekad yang lalu dengan mengambil langkah awal untuk menghadapi risiko-risiko yang akan muncul dalam segmen runcit dan perniagaan. Dana-dana khas telah ditubuhkan untuk memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan bagi sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutamanya untuk tujuan pemodenan infrastruktur perniagaan dan meningkatkan kapasiti pengeluaran mereka. Skim Penyelesaian Hutang Kecil yang ditubuhkan pada tahun 2003 telah banyak membantu perniagaan kecil yang menghadapi masalah sementara aliran tunai. Selain itu, Skim tersebut juga telah membantu penyusunan dan penjadualan semula hutang yang lebih efektif oleh institusi perbankan. Di samping itu, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang ditubuhkan pada tahun 2006 telah menambah rangkaian cawangannya ke seluruh negara untuk memberikan khidmat kaunseling pengurusan kredit kepada sektor isi rumah dan sekali gus memberi peluang kepada peminjam runcit untuk menyusun semula kemudahan kredit mereka.

Kemelut kewangan global telah menjejaskan sentimen pelabur dan penentuan harga dalam pemerolehan dana melalui pasaran bon domestik. Menyedari betapa pentingnya untuk mencergaskan semula pasaran bon domestik bagi membolehkan syarikat korporat menguruskan keperluan pendanaan mereka dengan lebih baik pada harga yang lebih efisien dari segi kos, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia sedang dalam proses untuk menubuhkan Institusi Jaminan Kewangan (Financial Gurantee Institution, FGI) untuk menyediakan penambahbaikan kredit bagi terbitan bon oleh syarikat korporat yang berdaya maju. Bank Negara Malaysia juga sedang memperkenalkan mekanisme resolusi hutang korporat yang lebih komprehensif. Ini akan menyediakan satu wahana kepada syarikat korporat untuk menstrukturkan semula hutang-hutang mereka dengan lebih efektif dengan berbilang peminjam serta sekuriti hutang yang diterbitkan mereka. Langkah-langkah ini mencerminkan komitmen Bank Negara Malaysia untuk menangani sebarang tekanan yang mungkin timbul pada peringkat awal.

Sepanjang tahun 2008, kestabilan kewangan keseluruhan membolehkan Bank Negara Malaysia untuk meneruskan strategi pembangunan dalam jangka yang lebih panjang, yang akan bertindak untuk memperkukuh asas bagi pertumbuhan dan transformasi sistem kewangan domestik. Pada tahun itu, sektor kewangan Islam terus mencatat prestasi memberangsangkan dengan sektor perbankan Islam mencapai pertumbuhan tahunan purata sebanyak 20% sepanjang tempoh lapan tahun. Penubuhan subsidiari perbankan Islam yang baharu oleh institusi perbankan domestik, syarikat takaful yang terbesar di dunia, dan pemberian lesen baharu untuk menjalankan perniagaan mata wang antarabangsa di bawah

program utama Pusat Antarabangsa Kewangan Islam Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) pada tahun 2008 akan terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab antarabangsa bagi aktiviti kewangan Islam. Inovasi produk berdasarkan konsep musyarakah sedang diterapkan dengan lebih meluas, termasuk dalam segmen runcit, sebagai respons terhadap permintaan yang bertambah bagi penyelesaian kewangan yang kompetitif berlandaskan prinsip Syariah. Pertumbuhan mantap dalam industri kewangan Islam akan terus disokong oleh pengawalseliaan yang kukuh bagi memastikan pertumbuhan industri yang teratur dalam arus perdana kewangan antarabangsa.

Rangka kerja undang-undang yang lebih teguh juga sedang dibangunkan melalui cadangan Akta Bank Negara Malaysia, yang akan memberikan kejelasan yang lebih baik mengenai mandat kestabilan kewangan Bank. Akta yang dicadangkan ini akan memperkukuh keupayaan Bank Negara Malaysia melaksanakan mandatnya untuk kestabilan kewangan, dengan mengambil kira perkembangan dalam sistem kewangan yang semakin berhubung kait dengan inovasi kewangan yang lebih kompleks, pasaran modal yang lebih bersifat antarabangsa dan peningkatan pertumpuan pengantara dan produk kewangan. Rangka kerja undang-undang yang lebih kukuh ini dibentuk bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menangani cabaran sistem kewangan yang moden.

Ketika Bank Negara Malaysia bersiap sedia untuk terus meliberalisasikan sektor kewangan, kemelut kewangan global semasa memberikan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai amalan risiko dan tadbir urus yang berguna bagi Malaysia dalam menetapkan parameter dan matlamat mengenai aktiviti perbankan merentas sempadan dan ciri-ciri penyertaan asing dalam landskap kewangan dalam negeri. Yang penting, adalah untuk memastikan bahawa liberalisasi akan saling memberi manfaat dan sumbangan positif kepada agenda ekonomi Malaysia sekali gus memelihara kestabilan kewangan. Falsafah dasar bahawa tahap liberalisasi perlu berpadanan dengan keupayaan sektor kewangan untuk menghadapi kesan daripada perubahan landskap terus dikekalkan.

Dengan cabaran semasa yang semakin ketara dihadapi sektor kewangan, tumpuan terhadap tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap menjadi asas kepada rejim pengawalan dan penyeliaan di Malaysia. Ini telah memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan dalam sektor kewangan tidak melebihi keupayaan untuk menguruskan risiko yang berkaitan. Teras kepada rejim ini ialah penekanan untuk memastikan prasyarat dipenuhi sebelum langkah-langkah nyah pengawalan dan liberalisasi dilaksanakan di samping mengekalkan keseimbangan yang bersesuaian antara pendekatan yang berasaskan peraturan dan berasaskan prinsip. Pendekatan ini akan terus menentukan hala tuju pengawalan Bank Negara Malaysia pada masa hadapan. Pengajaran akan diambil daripada krisis kewangan global semasa untuk terus memperkukuh keupayaan menangani risiko keinstitusian dan sistemik dalam sektor kewangan. Ini termasuk peningkatan berterusan sistem pengawasan, pengukuhan dalam pengaturan keinstitusian bagi menghadapi ancaman kepada sistem kewangan, menambah baik struktur insentif, menggalakkan amalan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko yang mantap, serta menyediakan keadaan yang perlu bagi mempertingkatkan disiplin pasaran.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

25 Mac 2009